

CONTOH BORANG PERMOHONAN MENDIRIKAN BANGUNAN

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH KETEREH
16450 KETEREH
KOTA BHARU, KELANTAN

Tuan,

PERMOHONAN MENDIRI BANGUNAN:

Dengan hormatnya saya memohon untuk.....
di atas lot / lot-lot.....
Mukim..... Daerah.....
Jalan..... Jajahan.....

Bersama-sama ini dikembalikan:-

- a) Bayaran Daftar Fail RM.....
- b) Bayaran Proses Pelan RM.....
- c) Bayaran Papan Tanda RM.....
- JUMLAH RM.....

- d) Cabutan Hakmilik tanah (Asal) - 1 Salinan
- e) Salinan geran tanah/OT yang disah - 1 Salinan
- f) Pelan-pelan:

- i) Pelan Petunjuk, Lokasi & Tapak
- ii) Pelan Bangunan
- iii) Pelan Keratan Bangunan
- iv) Diagram Rangkaian pemasangan alat-alat Elektrik, Paip-paip air dan Sanitari
- v) Pelan Tangki najis dan Penapisan

PERINGATAN

1. Sekiranya tanah bukan nama pemohon atau tanah kongsi hendaklah meminta kebenaran secara bertulis dari tuan-tuan tanah, namanya tercatat dalam surat Cabutan Hakmilik Tanah. Surat tersebut hendaklah disahkan oleh orang yang berkecualan.
2. Hendaklah dihantar 5 perunggu pelan-pelan, sekiranya permohonan terlibat dengan Pinjaman Kerajaan / Bank dan 10 perunggu pelan-pelan sekiranya terlibat dengan Projek Perumahan / Kilang / Pam Minyak.

Tandatangan Pemohon :

Nama Pemohon :

No. K / Pengenalan :

Alamat Penuh :

No. Telefon :

(Untuk kegunaan pejabat)

No. Fail MDK :

Tarikh Daftar :

CONTOH BORANG PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG

JADUAL 1
KAEDAH-KAEDAH PENGAWALAN PERANCANGAN (AM) 2004
NEGERI KELANTAN

BORANG A

PERMOHONAN UNTUK KEBENARAN MERANCANG
[Kaedah 2(1)]
mengikut
Subseksyen 21(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976

Kepada Pihak berkuasa perancang tempatan,
Majlis Daerah Keterah,

Saya/kami

(Nama penuh pemohon dengan huruf besar)

beralamat

KPPN No. dengan ini memohon untuk
kebenaran merancang berkenaan dengan pemajuan yang berikut:

- (a) untuk *mendirikan/membina/menjalankan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini *suatu bangunan/bangunan-bangunan/kerja-kerja mengikut pelan yang disertakan;
- (b) untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan tanah diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (c) untuk membuat perubahan yang matan dalam penggunaan bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (d) untuk menjalan tambahan atau perubahan ke atas sesuatu bangunan di atas tanah yang diperihalkan di bawah ini mengikut pelan yang disertakan;
- (e) untuk memecah/bahagi tanah mengikut pelan yang disertakan;
- (f) untuk menyatukan tanah-tanah mengikut pelan yang disertakan



BAHAGIAN PERANCANGAN DAN BANGUNAN



مجالس دائرة كتره

MAJLIS DAERAH KETEREH
16450 KETEREH, KELANTAN.
TEL: 09-7886112 / 09-7887267 (Samb. 112)
FAXS: 09-7886031

MEMBINA BANGUNAN BARU / TAMBAHAN / PINDAAN TANPA KEBENARAN MDK ADALAH SATU KESALAHAN DAN BOLEH DIAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG DI BAWAH AKTA JALAN, PARIT & BANGUNAN 1974 (AKTA 133)

Mengikut Akta 133, Seksyen 70(11) apabila disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih dari RM1,000.00 dan sesuatu perintah Mahkamah Majistret hendaklah, atas permohonan pihak berkuasa tempatan itu mengeluarkan suatu perintah termesti untuk mengubah bangunan itu dengan apa-apa cara untuk meruntuhkannya.

Mengikut Akta 133 seksyen 70(13) seseorang boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak lebih daripada RM10,000.00 dan juga boleh dikenakan denda tambahan sebanyak RM250.00 bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan apabila disabitkan.

Mengikut Akta 133 70(14) denda boleh dikenakan di antara 5 kali ganda hingga 20 kali ganda bayaran pelan ke atas pelan-pelan binaan tanpa izin yang dikemukakan sekiranya langkah pembicaraan tidak diambil.

MEMBINA BANGUNAN BARU / TAMBAHAN / PINDAAN PERLU MENDAPAT KEBENARAN MAJLIS ADALAH BERTUJUAN:

- ✓ Untuk menjamin pelaksanaan kawalan pembangunan dan perancangan di dalam kawasan Majlis bagi jangka masa yang panjang.
- ✓ Untuk membentuk satu sistem bagi mengawal pandangan ke atas sebarang kerja-kerja pembinaan bangunan baru/tambahan/pindaan.
- ✓ Untuk menjamin kepentingan/keselamatan sirkulasi serta kebommbaan dan kebersihan di sekitar kawasan bandar dan taman perumahan khasnya, serta di dalam kawasan Majlis.

BAGAIMANA CARA UNTUK MENDAPAT KEBENARAN MAJLIS BAGI MEMBINA BANGUNAN BARU/TAMBAHAN/PINDAAN?

Seseorang yang ingin membina bangunan baru / tambahan / pindaan perlulah mengemukakan permohonan melalui Pelukis Pelan / Arkitek / Jurutera Berdaftar bersama dokumen-dokumen yang lengkap serta mematuhi kehendak-kehendak Majlis untuk dipertimbangkan kelulusan / kebenaran, iaitu:-

1. 5 set Pelan Lengkap- Binaan/Tambahan/Pindaan yang luas melebihi 1200 k.p untuk binaan jenis batu.
- 3 set Pelan Standard- Binaan/Tambahan/Pindaan yang luas 700 k.p hingga 1200 k.p untuk binaan jenis batu.
2. Salinan Geran Tanah/C. P Pelan/Pelan Sureh dari pejabat Tanah.
3. Cabutan hakmilik tanah yang asal bagi tapak berkenaan dan 1 salinan.
4. Surat Kebenaran tuan tanah bersaksi dan bersestem (sekiranya berkongsi atau bukan milik sendiri).
5. Bayaran proses pelan (mengikut keluasan bangunan) atau bayaran permit kerja kecil.

Kerja-kerja seperti menukar atap/dinding/lantai, tambahan porch, tambahan selapis depan/belakang/tepi bagi rumah teres, pagar dan seumpamanya hendaklah mendapat kebenaran Majlis terlebih dahulu dengan mengemukakan:-

1. 3 set Pelan Lakar- Lokasi, tapak, lantai dan pandangan (Binaan / Tambahan/Pindaan yang mempunyai keluasan kurang daripada 700 k.p.)

2. Salinan Geran Tanah/C. P Pelan/Pelan Sureh dari pejabat Tanah.
3. Cabutan hakmilik tanah yang asal bagi tapak berkenaan dan 1 salinan.
4. Surat Kebenaran tuan tanah bersaksi dan bersestem (sekiranya berkongsi atau bukan milik sendiri).
5. Bayaran proses pelan (mengikut keluasan bangunan) atau bayaran permit kerja kecil.

BINAAN PINDAAN (MENDIRI SEMULA)

- Semua jenis Pindaan/Mendirikan Semula
- Rumah sesebuah/Berkembar/Kedai/Teres/setor dan jenis-jenis pindaan lain yang mencukupi syarat-syarat pengunduran yang diluluskan oleh Majlis sebagaimana di atas.

1. Borang permohonan kelulusan.
(Boleh didapati di Bahagian Bangunan MDK)
2. 5 set pelan lakar-lokasi, tapak, lantai dan pandangan,
3. Salinan Geran Tanah/C. P Pelan/Pelan Sureh dari pejabat Tanah.
4. Cabutan hakmilik tanah yang asal bagi tapak berkenaan dan 1 salinan.
5. Surat Kebenaran tuan tanah bersaksi dan bersestem
(sekiranya berkongsi atau bukan milik sendiri)
6. Bayaran proses pelan (mengikut keluasan bangunan) atau bayaran permit kerja kecil.